

Pengaruh Sosio Politik Pasca Kemerdekaan Terhadap Perkembangan Silat Melayu di Malaysia Melalui Pengalaman Seni Silat Cekak Malaysia

Shukri J., Zaimilah Y., M. Surat dan Ab. Majid

PSSCM Kelas Latihan Putrajaya 62550 Putrajaya

PSSCM Kelas Latihan Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor

Alamat email: shuxre75@hotmail.com, yzaimilah@hotmail.com, mastor@ukm.edu.my dan abmajid@usm.my

Abstrak

Perkembangan seni silat Melayu pasca kemerdekaan sekitar tahun-tahun 1950an hingga ke pertengahan tahun 1970an sering menghadapi pelbagai permasalahan akibat persekitaran sosio-politik yang mencabar. Ia adalah kesan daripada keadaan pemerintahan negara yang masih rapuh timbul akibat ancaman-ancaman yang muncul dari dalam dan luar negara. Keadaan tersebut telah mempengaruhi perkembangan awal Silat Cekak di dalam menyusuri perkembangan sejarah dan pembangunan negara. Kajian kualitatif berbentuk konseptual ini menggunakan kaedah penyelidikan temubual bersemuka dan analisa dokumen bagi mencari fakta untuk menjelaskan fenomena-fenomena terjadi yang banyak mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu serta perkembangan seni silat di awal-awal zaman kemerdekaan negara. Kertas kerja ini cuba membuktikan peranan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) sebagai sebuah pertubuhan seni silat Melayu yang turut menyumbang kepada proses pembangunan komuniti dan negara ini. Ia diharapkan menjadi perintis kepada kajian-kajian komprehensif seterusnya di masa-masa akan datang bagi memperincikan lagi fenomena ancaman-ancaman yang berlaku dan mempengaruhi perkembangan seni silat Melayu di tanah air sepanjang tempoh pasca kemerdekaan tersebut.

Kata kunci: *Sosio - politik, pasca, kemerdekaan, fenomena, Silat Cekak, Melayu.*

Pengenalan

Seni silat Melayu merupakan warisan budaya yang melambangkan ketinggian tamadun sesebuah bangsa. Seni silat memainkan peranan yang besar di dalam mempertahankan kedaulatan negara dan seluruh wilayah Nusantara dari dirosakkan oleh para penjajah [1]. Namun setelah negara mencapai kemerdekaan seni silat telah dipandang suram akibat peranannya telah diambil oleh pasukan-pasukan keselamatan negara yang lengkap bersenjata serta mempunyai kemampuan dari segi logistik dan persenjataan [2]. Masyarakat juga semakin melupakan seni silat sebaliknya lebih mengutamakan bagaimana untuk meneruskan kelangsungan hidup di dalam sebuah negara yang baru merdeka dalam

masa yang sama tidak terdaya mempertahankannya akibat ancaman keselamatan serta ketidakmampuan dari sudut kewangan. Badan-badan silat juga mengalami kepupusan pemimpin yang berjiwa ulamak dan benar-benar alim dalam bidangnya. Akibatnya seni silat mula dipandang sepi dalam mengekalkan identiti dan menjaga keselamatan bangsa. Sebaliknya, elemen-elemen bercorak hiburan dan “kebatinan dan mistik” sedikit demi sedikit meresap masuk ke dalam jiwa para pesilat dan badan-badan silat tanahair sehingga munculnya Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad yang membawa perubahan terhadap dunia seni silat Melayu dengan lahirnya kembali Seni Silat Cekak.

Dapatan Kajian

Pasca Kemerdekaan Malaya 1957 menyaksikan pemerintahan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj telah memberikan penekanan terhadap usaha membasmi kemiskinan dan buta huruf serta usaha menangani ancaman-ancaman keselamatan negara. Ini menyebabkan proses penyusunan dan integrasi masyarakat majmuk tidak diberikan perhatian yang sewajarnya menyebabkan setiap kaum terus kekal dengan jurang pemisahan yang ketara berdasarkan status-status sosio-ekonomi mereka kesan dari dasar pecah dan perintah penjajah Inggeris [3].

Kebanyakan orang Melayu di zaman awal kemerdekaan masih kekal sebagai petani, nelayan dan kerja-kerja di kampung. Hanya segelintir sahaja berperanan sebagai elit politik dan birokrat. Kebanyakan ahli kelompok ini berpendidikan Barat hasil legasi tinggalan British. Sementara komuniti Cina terus mendominasi sektor ekonomi bandar sebagai golongan peniaga, pelombong atau petani-petani sara diri di kampung-kampung baru yang tersusun. Manakala komuniti India majoritinya masih kekal sebagai buruh di estet-estet yang dijaga keperluannya oleh mandor-mandor dan pengurus-pengurus syarikat perladangan. Majoriti syarikat perladangan ini masih dimiliki oleh saudagar Inggeris, peniaga-peniaga bandar dan segelintir elit yang mewarisi kerja-kerja pentadbiran atau profesional di bandar-bandar [4].

Kesedaran berpolitik orang Melayu bermula dengan penyertaan mereka ke dalam parti politik antaranya seperti Saberkas dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Ini diikuti oleh UMNO yang muncul serta menjadi tunjang bagi komponen Parti Perikatan. Manakala kumpulan yang cenderung kepada nilai keagamaan akan menyertai Hizbul Muslimin kemudiannya bergelar Parti Islam SeMalaysia - PAS [5] ataupun Parti Negara yang majoritinya masih Melayu sebagai satu bentuk partisipasi dan sumbangan kepada komuniti setempat dan negara. Meskipun berbeza pentas politik, orang-orang Melayu masih memberikan penghormatan yang tinggi kepada institusi Kesultanan dan seterusnya kepada Yang Dipertuan Agong (YDA) sebagai penaung kepada rakyat pelbagai kaum di peringkat Persekutuan dan Negeri-negeri [6]. Perkara yang sama juga telah dilalui oleh pengasas Silat Cekak; Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad yang pernah menjadi ahli Parti Saberkas pada tahun 1946 kemudiannya menyertai Parti Negara pada tahun 1956 sehingga menjadi calon parti tersebut bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Langkawi, Kedah dalam Pilihanraya Pertama Persekutuan Tanah Melayu (1959) namun tewas kepada Parti Perikatan (UMNO) sehingga menyebabkan beliau meninggalkan terus dunia politik selepas tahun 1962 [7].

Ancaman-Ancaman Dalam Negara

Pada awal tahun 1960an, usaha-usaha membangunkan komuniti Melayu melalui pengukuhan

sosio - ekonomi dan budaya tidak dilaksanakan dengan serius oleh pemerintah memandangkan situasi negara yang sedang berhadapan dengan pelbagai ancaman dalam negara seperti kegiatan subversif dan sabotaj dari Parti Komunis Malaya (PKM) serta talibarut-talibarut mereka. Keselamatan Malaya ketika itu turut berada dalam situasi amat terancam menyebabkan beberapa undang-undang pencegahan telah diperkenalkan bagi membendung kegiatan-kegiatan subversif tersebut [8]. Sekiranya ada mana-mana individu yang disyaki boleh mengugat keselamatan negara, mereka akan dipenjarakan tanpa bicara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) walaupun cuba membela rakyat dan syariat [9].

Ancaman Kemiskinan Sosio-Ekonomi

Pembangunan komuniti pula lebih terarah kepada dasar dan program memaksimumkan pencapaian ekonomi sedia ada melalui pelaburan dan pembangunan infrastruktur bagi membasmi kemiskinan, memperbaiki mutu kesihatan yang rendah, masalah buta huruf serta kewaspadaan terhadap ancaman keselamatan negara [10]. Ini dapat dilihat melalui program *Gerakan Maju* yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri; Tun Abdul Razak pada 14 Mac 1966 [11] bagi mentransformasi minda dan jiwa masyarakat dalam mengejar kemajuan. Program ini dilaksanakan memandangkan orang-orang Melayu masih lagi selesa dan bersikap 'tak apa' dengan keadaan ekonomi sara diri mereka di kampung-kampung meskipun hidup mereka begitu daif. Dengan kadar kemiskinan tegar mencecah melebihi 50 peratus, masyarakat Melayu masih dibelenggu kemiskinan, hidup terpinggir akhirnya membentuk sikap pasif mereka. Realitinya nikmat pembangunan ketika itu lebih banyak dirasakan oleh penduduk-penduduk bandar terutamanya di kalangan kaum Cina yang walaupun hidup mereka terasing namun mampu berdikari di bandar-bandar yang prasarana pesat membangun dan ramai terlibat di dalam perniagaan atau perdagangan berteraskan eksport komoditi serta industri pengganti import [12].

Tidak banyak pembaharuan dapat dilakukan untuk membangunkan komuniti Melayu yang terkesan akibat dasar dualisme ekonomi serta dasar pemisahan kaum pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh penjajah Inggeris sejak sekian lama [13]. Keadaan ini menimbulkan ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan negara hingga mencetuskan rasa tidak puas hati kaum Melayu yang majoritinya masih menetap di kampung-kampung dan bekerja sebagai petani, peneroka hutan atau nelayan.

Ancaman amalan khurafat dalam persilatan

Persekitaran luar bandar yang masih mundur turut mempengaruhi serta membentuk pemikiran masyarakat yang masih mempercayai unsur-unsur mistik dan kebatinan. Perkara-perkara tahyul dan khurafat ini digunakan bagi tujuan perubatan dan mempertahankan diri dalam menghadapi apajua kemungkinan ancaman, sabotaj, tindakan subversif dan provokatif [14] seperti komunis Bintang Tiga dan tali-tali barut mereka [15] meskipun pengisytiharan tempoh Darurat sejak tahun 1948 telah tamat pada tahun 1960 [16].

Ramai pengamal silat masih mengamalkan perkara-perkara berunsur tahyul dan khurafat yang bertentangan dengan Islam seperti berdampingan dengan khadam jin, membuka gelanggang dengan menyimbah darah ayam, menyeru kuasa ghaib, jampi serapah dan sebagainya. Keadaan ini telah dilakonkan secara tersirat penuh komedi di dalam filem Pendekar Bujang Lapok keluaran tahun 1959 [17]. Menurut Ustaz Hanafi, pencemaran dalam alam persilatan Melayu berlaku kerana kebanyakan silat tidak dipimpin oleh golongan ulama atau agamawan yang boleh memurnikan akidah perguruan dan penuntut silat tersebut [18]. Atas kesedaran inilah Ustaz Hanafi merantau dan mencari ilmu silat yang sesuai untuk dijadikan sebagai wadah dakwah kepada masyarakat. Ustaz Hanafi pernah menolak kehadiran seorang Menteri untuk merasmikan Sambutan Sedekad Silat Cekak kerana penglibatannya di dalam sebuah pertubuhan kebatinan yang menyalahi syariat [19]. Ketegasan Ustaz Hanafi ternyata

sesuai dengan matlamat Silat Cekak iaitu memurnikan seni silat Melayu agar menjunjung syariat bagi melahirkan sebuah persatuan silat dan NGO budaya yang profesional supaya berperanan aktif memperkasakan masyarakat Melayu dengan semangat kebangsaan dan keIslaman [20].

Kedaifan Kesatuan dan Persatuan Silat

Sehingga pertengahan tahun 1960an juga didapati tiada suatu badan atau persatuan silat di Tanah Melayu yang mampu berdiri teguh sebaliknya terpaksa dan banyak dipengaruhi oleh badan-badan politik untuk kekal berdiri selain perlu memenuhi kepentingan kuasa pemerintah ketika itu [21]. Dengan taraf kehidupan rakyat yang masih rendah iaitu kadar kemiskinan negara pada paras 43.9 peratus, di mana 64.8 peratus kaum Melayu hidup di bawah paras kemiskinan dicatatkan pada akhir tahun 1969, tidak banyak yang boleh dilakukan oleh orang-orang Melayu membangunkan diri [22]. Pertubuhan-pertubuhan silat tidak berupaya untuk membangunkan masyarakat. Malah pergerakan pertubuhan-pertubuhan silat ketika itu juga sering dipantau oleh pihak berkuasa agar tidak terlibat menjalankan tindakan subversif menyokong pihak pembangkang, komunis atau kuasa-kuasa luar untuk menentang dan menjatuhkan kerajaan [23].

Kebanyakan aktiviti pembangunan komuniti ketika ini terus mengharapkan dana dari kerajaan ataupun terpaksa bergerak bersendirian mengumpul dana dari ahli-ahli persatuan bagi mengekalkan kelangsungan mereka. Keadaan ini amat berbeza dengan komuniti atau orang perseorangan Cina yang mempunyai jaringan sosial yang kuat (*guanxi*) didasari keuntungan atau kepentingan bersama [24] yang membolehkan masyarakat Cina di bandar-bandar samada pertubuhan-pertubuhan komuniti atau parti-parti berteraskan kaum tersebut mendapat sokongan dana yang kuat dari Dewan-Dewan Perniagaan, pemimpin-pemimpin parti atau orang perseorangan kaum mereka [25]. Dengan kedudukan kewangan yang mantap ini juga merupakan salah satu faktor memudahkan kampung-kampung baru Cina terus dimajukan sehingga banyak pusat-pusat bandar baharu dapat dibangunkan di seluruh negara [26].

Ketiadaan organisasi silat yang teratur

Dalam konteks pertubuhan silat, ketika itu banyak pergerakan silat yang bergerak secara bersendirian (solo) mempunyai gelanggangnya berdasarkan ciri kampung, kedaerahan, kenegerian, keturunan, aliran seni dan sebagainya [27]. Ketika itu hanya beberapa buah jenis silat yang berdaftar dan dikenali di dalam komuniti orang Melayu antaranya seperti Silat Gayung, Gayung Petani, Silat Bunga dan Kuntau Siam yang popular di utara Semenanjung atau Silat Sendeng, Silat Lian, Silat Pulut, Kuntau Jawa di selatan tanahair. Masyarakat Melayu kebanyakannya masih lagi mengingati jasa-jasa pahlawan Melayu yang mahir dengan seni peperangan menentang penjajah Barat, Siam, Jepun dan komunis [28]. Namun selepas merdeka kebanyakan pertubuhan silat tidak mempunyai struktur organisasi yang lengkap dan mantap sebaliknya ditadbir-urus secara tradisi, tidak berdaftar, tidak diperlembagakan, bersifat asalkan ada dan bergerak atas keinginan para pendokongnya mencari wang untuk sara hidup [29].

Ancaman Subversif Dalam dan Luar Negara

Ancaman keganasan PKM di hutan dan kawasan-kawasan sempadan di utara semenanjung meletakkan rakyat dan negara dalam keadaan penuh risiko dan tidak selamat sepenuhnya [30]. Sementara ketegangan yang wujud di wilayah-wilayah selatan Thailand akibat gerakan pemberontakan Barisan Revolusi Nasional (BRN) Pattani turut memberikan ancaman pada Malaya [31]. Ditambah dengan isu konfrontasi Ganyang Malaysia oleh Indonesia [32] yang bercampuraduk dengan sentimen *Gagasan Melayu Raya* oleh gerakan politik kiri Malaya yang bertujuan menyatukan

Tanah Melayu dengan Republik Indonesia [33] selain konflik akibat pemutusan hubungan diplomatik oleh Filipina sepanjang tahun 1962-1966 [34] serta penentangan Parti Rakyat Brunei - PRB terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia [35] telah menjadikan suasana politik dan keselamatan Malaya ketika itu sentiasa panas dan terancam.

Malahan situasi ekonomi global ketika era ini juga semakin parah apabila nilai matawang Asia telah merudum diikuti kejatuhan harga komoditi sehingga meningkatkan kadar inflasi yang tinggi (*hyperinflation*) sepanjang tahun 1964-1965 sekaligus telah mengurangkan kuasa beli rakyat di pasaran [36]. Kerajaan Malaya ketika itu turut bimbang terhadap perluasan ideologi sosialis-komunis di Laos, Cambodia dan Vietnam [37]. Sementara insiden pemisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1965 telah memburukkan lagi imej serta situasi keselamatan negara [38].

Selain itu, kesan dari rusuhan kaum dalam insiden Hartal pada November 1967 [39] serta bahang kempen politik perkauman yang ekstrem sepanjang Pilihanraya Umum Ketiga pada 1969 telah mencetuskan insiden berdarah 13 Mei 1969 natijah dari ketidakseimbangan pengagihan kekayaan antara kaum [40]. Situasi-situasi yang melanda negara sepanjang era 1960an ini telah meletakkan landskap sosio politik serta jiwa rakyat dalam suasana terancam, saling memerlukan perhatian dan bantuan pihak pemerintah dalam menangani sebarang unsur-unsur dan tindakan berbentuk subversif serta provokatif pihak musuh dari dalam dan luar negara.

Ancaman asimilasi budaya asing

Persaingan hebat dari pertubuhan ilmu beladiri asing ketika itu turut mempengaruhi perkembangan Silat Cekak apabila pengasas dan pengerak persatuan ini cuba menonjolkan sesungguhnya ada seni bela diri milik orang Melayu yang asli dan sama hebat dengan seni beladiri asing seperti Tomoi Siam, Tae Kwan Do, Karate, Jujitsu, Akido, Kung Fu dan sebagainya. Kehebatan seni bela diri asing begitu ditonjolkan melalui promosi media disebabkan oleh struktur organisasi dan kedudukan kewangan yang mantap, lobi yang berterusan serta hubungan rapat dengan lingkaran komuniti pemerintahan yang memudahkan pergerakan pertubuhan mereka [41]. Sedangkan kebanyakan persatuan silat masih lagi digerakkan dengan fahaman lama dan masyarakat Melayu ketika era 1960 an hingga pertengahan 1970an kurang bersedia menerima perubahan terhadap sistem dan cara pengurusan pertubuhan seni silat mereka [42].

Media-media tanah air pada ketika itu turut berperanan memartabatkan seni silat melalui filem-filem Melayu klasik hasil lakonan hebat para seniman Melayu keluaran Studio Jalan Ampas, Show Brothers dan Keris Cathay. Antaranya filem *Hang Tuah*, *Semerah Padi*, *Pancha Delima*, *Pendekar Bujang Lapok*, *Mahsuri*, *Raja Laksamana Bentan*, *Megat Terawis*, *Sultan Mahmud Mangkat Dijulang*, *Hang Jebat*, *Seri Mersing*, *Lanchang Kuning*, *Cucu Datok Merah* dan sebagainya [43]. Filem-filem yang menyelitkan unsur-unsur budaya termasuk seni silat serta kepahlawanan sememangnya diminati masyarakat yang pada ketika itu namun malang ia masih banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur kebudayaan asing kerana ramai pengarahnya bukan berasal dari Malaya [44]. Masyarakat Melayu ketika itu hanya dapat menikmati hiburan bergambar sekali-sekala melalui pawagam di bandar-bandar besar atau wayang-wayang pacak di kampung-kampung.

Semenjak tahun 1940, penduduk Malaya hanya bergantung kepada Radio Malaya untuk mendapatkan maklumat-maklumat semasa. Hanya pada 28 Disember 1963 apabila siaran Televisyen Malaysia dilancarkan masyarakat mula dapat menonton rancangan, berita semasa dan filem-filem Melayu bergambar hitam-putih di kaca televisyen, walaupun ketika itu bukan semua orang mampu untuk memiliki peti televisyen di rumah [45]. Fenomena media baru tersebut secara tidak langsung memberikan inspirasi kepada komuniti budayawan untuk giat mempromosi seni persilatan Melayu

sebagai medium mempertahankan budaya dan jati diri bangsa ketika itu.

Usaha mempromosikan silat Melayu ini turut menerima asakan dan persaingan hebat melalui media hiburan asing yang sentiasa menonjolkan adiwira atau *superhero* yang mahir dengan ilmu beladiri masing-masing sebagai medium propaganda kehebatan bangsa mereka. Komuniti-komuniti bandar di era 1960 an banyak didedahkan dengan limpahan filem-filem wayang *Cowboy* dari Barat yang mahir beraksi menggunakan senjata api [46] atau kelincuhan aksi filem-filem kung fu Cina di panggung-panggung wayang dan di televisyen-televisyen sekitar pertengahan hingga akhir tahun 1960an [47]. Masyarakat juga lebih suka menyaksikan pertarungan ala-ala koboi atau terkesima dengan fenomena kehebatan jaguh tinju (*boxing*); Cassius Marcellus Clay Jr. yang mendadak popular setelah menjuarai kejohanan boxing sedunia dan memeluk Islam serta bertukar nama kepada Muhammad Ali [48].

Ancaman asimilasi budaya Thai atau Tha'ai ke wilayah-wilayah Melayu

Propaganda budaya yang telah disebar secara agresif oleh tentera Thailand di wilayah-wilayah selatannya turut memberi kesan kepada negeri-negeri Melayu di Pantai Timur dan Utara Semenanjung [49]. Ia terbukti apabila masyarakat di zon sempadan tersebut lebih mudah menonton dan mendengar siaran rancangan kebudayaan Thai seperti aksi perlawanan tomoi Siam (Muay Thai) melalui saluran televisyen atau radio Thailand setiap masa kerana frekuensi radionya amat tinggi [50]. Kesannya masyarakat Melayu lebih terbiasa dan yakin dengan seni tomoi berbanding silat Melayu.

Banyak gelanggang dibuka agar anak-anak Melayu mudah mempelajari seni tomoi bahkan pertandingan sering diadakan di gelanggang-gelanggang beladiri asing sehingga ia menjadi saingan kuat dan dipandang lebih hebat permainan serta pukulannya berbanding seni silat Melayu sendiri [51]. Berlakunya proses indoktrinasi pemikiran dan jiwa dalam kalangan anak-anak Melayu agar mereka jangan sesekali cuba mencabar orang-orang Thai atau Tha'ai sebaliknya perlu mengakui akan kehebatannya dan mempelajari seni budaya ini.

Fenomena ini mempunyai rasionalnya jika diteliti bersandarkan catatan sejarah yang merekodkan bahawa semenjak Disember 1894 kerajaan Siam di bawah Maharaja Chulalongkorn telah melaksanakan Dasar Integrasi Kebangsaan atau *Thesaphiban* yang telah menghapuskan kuasa dan sistem pemerintahan kesultanan-kesultanan Melayu-Islam di selatan Thailand. Seterusnya melalui pengenalan *Akta Pendidikan 1921*, pemerintah Thailand telah meminggirkan sistem pendidikan Melayu di wilayah-wilayah selatan tersebut. Melalui pengenalan *Dasar Rattaniyom 1938*, kerajaan telah mewajibkan kebudayaan Thai disebar luas di seluruh negara termasuk ke wilayah-wilayah selatan yang majoritinya didominasi oleh Melayu-Muslim. Penubuhan Dewan Kebudayaan Thai bergelar *Sepa Watana Tam* pada tahun 1940 melemahkan lagi identiti-identiti keMelayuan dan keIslaman di wilayah-wilayah Pattani apabila sebarang kegiatan seni yang berunsurkan budaya Melayu ditegah sama sekali, sebaliknya segala budaya Siam dipaksakan ke atas penduduk Melayu-Pattani [52].

Kemuncaknya kepada konflik ini berlaku pada tahun 1968 apabila kerajaan Thailand memperkenalkan *Skin Nikhom Sang Kong Eng* atau Rancangan Keluarga Setia menghalalkan pemindahan 250,000 warga Thailand majoritinya bekas tentera dan polis beragama Buddha menduduki wilayah-wilayah di selatan (*Changwad Chaiden Pak Thai*) agar dapat mengasimilasi dan mengecilkan majoriti penduduk dan komuniti Melayu-Islam. Tindakan ini membawa padah apabila penduduk Melayu-Pattani semakin agresif bangkit memberontak sehingga kini. Ustaz Hanafi sendiri pernah menghentikan perniagaannya di Yala pada tahun 1965 akibat dari kekacauan di wilayah berkenaan [53].

Di pihak penduduk Melayu di utara Semenanjung Tanah Melayu beberapa perjanjian di antara penjajah Inggeris dan Siam seperti Perjanjian Burney (1826), Perjanjian Sulit Inggeris - Siam (1897), Pengisytiharan Inggeris - Siam (1902) dan Perjanjian Bangkok (1909) bukan sahaja mengukuhkan lagi cengkaman Siam ke atas kegiatan sosio politik dan ekonomi malah kebudayaan ke atas negeri-negeri Melayu di utara semenanjung seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Paling malang saudara-saudara mereka, orang-orang Melayu Pattani pula ditukar statusnya sebagai kaum pendatang (*Khaek*) serta dipaksakan menerima dan mengamalkan budaya Thai [⁵⁴] menyebabkan hidup mereka semakin tertekan dan terpaksa berhijrah ke Tanah Melayu.

Pihak Inggeris juga mempunyai kepentingan strategik mengekalkan wilayah-wilayah Melayu di selatan seperti Pattani, Narathiwat, Yala dan Satun di bawah kedaulatan Siam agar pembekalan beras kepada Tanah Melayu tidak terjejas di samping menjadikan wilayah-wilayah tersebut sebagai penampan dalam menghadapi aktiviti subversif pengganas Parti Komunis Malaya (PKM) [⁵⁵].

Proses asimilasi budaya Tha'ai secara paksa ke atas masyarakat Melayu berterusan akibat dasar perluasan kuasa politik Thailand di wilayah-wilayah bergolak di selatan turut mempengaruhi budaya dan pemikiran orang-orang Melayu di utara Semenanjung yang mempunyai pertalian keluarga dengan orang-orang Melayu di selatan Thailand [⁵⁶]. Proses indoktrinasi dan asimilasi budaya Tha'ai yang mencengkam ini telah mematikan adat, budaya dan bahasa tempatan [⁵⁷]. Kesannya orang Melayu selama beberapa generasi seterusnya takut untuk mengembang dan mengamalkan adat budaya mereka termasuk ilmu seni silat kerana bimbang tindakan keras dari pihak berkuasa Thailand. Hasilnya budaya Tha'ai telah diterima pakai dan budaya Melayu kian terpinggir. Secara tidak langsung ia menjadi bukti kejayaan propaganda Tha'ai ke atas wilayah-wilayah Melayu.

Fenomena ini turut mempengaruhi Almarhum Tuan Haji Ishak Itam; Guru Utama PSSCM kedua yang ketika usia mudanya di Kedah dan Seberang Perai pernah mempelajari seni tomoi sehinggalah menjadi jurulatih seni beladiri ini dan merasakan bahawa tidak ada ilmu silat Melayu yang mampu mengatasinya. Beliau pernah beberapa kali mencuba ilmu tomoi Siam ini ketika berguru dengan Ustaz Hanafi pada tahun 1968 di kelas Silat Cekak di Bukit Mertajam namun ia dapat dipatahkan dengan mudah oleh Ustaz Hanafi. Hal ini telah meyakinkan Ishak Itam untuk terus mempelajari Silat Cekak sehingga tamat dan meninggalkan terus segala ilmu dan amalan khurafat yang terdapat dalam ilmu tomoi tersebut [⁵⁸].

Perkembangan Awal Silat Cekak

Meskipun zaman yang dilalui oleh seni silat Melayu begitu sukar di awal pasca kemerdekaan namun semangat nasionalisme tokoh-tokoh Melayu begitu tinggi dalam memajukan bangsa dan komuniti mereka samada menerusi parti-parti politik, sektor pentadbiran, institusi agama, pendidikan, kesatuan sekerja, peniaga dan keselamatan. Situasi yang sama turut dirasai dan dilalui oleh Almarhum Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad yang berjuang sejak zaman pra kemerdekaan dari seorang pejuang politik Melayu kepada seorang pegawai agama. Beliau telah melalui dan merasai pelbagai sepek terajang politik serta kesusahan hidup yang telah memantapkan dirinya apabila diangkat menjadi Guru dan peneraju sebuah persatuan silat Melayu yang ulung iaitu Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia [⁵⁹].

Pada awal penubuhan, Almarhum Ustaz Hanafi telah menggerakkan Silat Cekak dari sebuah persatuan silat yang tidak dikenali masyarakat kepada sebuah persatuan silat yang ternama setelah melakukan penghijrahan ke Kuala Lumpur seawal tahun 1970. Hasil daripada perkembangan pesat kotaraya Kuala Lumpur seiring dengan pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKN), kita telah menyaksikan Silat Cekak yang didaftar dan bergerak sebagai Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) telah mula mencipta nama di arena persilatan negara. Kejayaan Ustaz Hanafi di dalam memimpin Silat Cekak telah dizahirkan melalui Perayaan Sedekad Silat Cekak pada 28 Disember 1975. Perayaan ini telah menjadi penanda aras kecemerlangan usaha mentransformasikan sebuah seni silat Melayu di dalam menghadapi cabaran pasca awal

kemerdekaan negara seterusnya menyusuri arus perkembangan dan pembangunannya selepas perayaan tersebut [⁶⁰].

Kesimpulan

Silat Cekak telah menyusuri zaman-zaman awal kemerdekaan yang penuh dengan pelbagai dugaan akibat keadaan ekonomi bangsa di samping ancaman-ancaman keselamatan negara. Namun hasil keteguhan jiwa dan semangat yang membara telah membolehkan Ustaz Hanafi sebagai pengasas dan pemimpin PSSCM membawa sinar baru dalam menggerakkan sebuah persatuan silat Melayu yang ditadbir urus secara moden dan selari dengan aspirasi serta dasar-dasar semasa negara. Kejayaan tersebut membolehkan persatuan ini terus membina jenama Silat Cekak sebagai sebuah persatuan silat yang unggul dengan visi dan misinya untuk mendaulatkan seni silat Melayu di tanah airnya sendiri. Kejayaan ini telah dicapai melalui pelbagai program membangunkan masyarakat dan kesannya telah membawa kepada kestabilan negara. Menerusi jasa dan pengorbanan yang telah dimainkan oleh PSSCM sejak awal kemerdekaan bersama-sama dengan individu-individu dan persatuan-persatuan silat Melayu yang lain membolehkan pelbagai pengiktirafan diberikan oleh pihak kerajaan kepada seni silat Melayu pada hari ini.

Nota Rujukan

-
- ¹ Maryono, O. (1998). *Pencak silat: merentang waktu*. Pustaka Pelajar.
 - ² Shukri J., & M. Surat (2017). *Kedinamikan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) Mendaulatkan Institusi Raja Berperlembagaan Dalam Pemeliharaan Keselamatan Negara*. Kertas kerja dibentangkan di 7th The International Conference on Local Knowledge (ICLK) 2017, Engaging Local Wisdom in the New Millineum, Puteri Pan Pacific Hotel, Johor Bahru 8-9 Mei 2017.
 - ³ Muslim, N. (2012). Implikasi Peruntukan Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Terhadap Hubungan Etnik Di Malaysia (The Implications of the Provisions for Islam and the Malays in the Federal Constitution on Ethnic Relations in Malaysia), 25-27.
 - ⁴ Wan Hashim W.T. (2011). *Dimensi Masalah 1: Demografi dan Ekonomi*. Hubungan Etnik di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 61-70.
 - ⁵ Ismail Saad (2008). *Parti Islam Sa Malaysia: Kepimpinan dan Perjuangan dari Tahun 1951 hingga 1970*, Universiti Sains Malaysia, 1-2.
 - ⁶ Zain, M. F. M., Hamil, J. H., Yaakop, M. R. M., & Razak, M. R. A. (2011). Pengaruh nasionalisme Melayu mewarnai budaya politik Melayu dalam UMNO. *Jurnal Melayu*, 7, 207-208, dlm. <http://journalarticle.ukm.my/3192/1/7.pdf>. [Diakses 2 Oktober 2017].
 - ⁷ Ahmad, H. H. (1978). *Hanafi Hj. Ahmad dan seni silat cekak*. Universiti Malaya, 47-52.
 - ⁸ Shukri J., Zaimlah Y., & M. Surat (2017). Sedekad Perkembangan Silat Cekak (1965 - 1975): Sumbangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) dalam Pembangunan Insan, Masyarakat dan Negara dlm Kolokium Seni Silat Cekak Malaysia (KOSSCEM) 2017, 22 April 2017. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 125.
 - ⁹ Ramlah Adam (2003). Burhanuddin Al-Helmy Suatu Kemelut Politik. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 231-232.
 - ¹⁰ Aziz, Abdul Rahman Abdul (2014). *Pembangunan 1960-an Daripada Kata- Kata Tun Abdul Razak Hussein* Institut Terjemahan Buku Malaysia, 32-34.
 - ¹¹ Berita Harian (15 Mac 1966). "Gerakan Maju": Pameran dan pementasan di-adakan dlm

<http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/beritaharian19660315-1.2.79.aspx>. [Diakses pada 1 Oktober 2017].

¹² Musa, H. B. H. (2004). *Pemeriksaan tamadun Melayu Malaysia: menghadapi globalisasi barat*. Penerbit Universiti Malaya dan Pusat Dialog Peradaban.

¹³ Atoma, P. (2008). *Masyarakat multi-etnik di Malaysia dan Britain Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori Dan Praktik*, 235-237 dlm. <https://core.ac.uk/download/files/392/11789882.pdf>. [Diakses 2 Oktober 2017].

¹⁴ Ariffin, M. F. M., Ahmad, K., Rosele, M. I., & Ismail, M. Z. (2015). Pusat Perubatan Alternatif Islam di Malaysia: Persepsi Perawat terhadap aplikasi Jin dalam rawatan. dlm *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 80-82. Teks dlm <https://journal.uniswa.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/83>. [Diakses 4 Oktober 2017].

¹⁵ bin Haniffa, M. A. Darah dan air mata Bekor: Mengimbu kembali peristiwa 6 Mac 1946 _, 70-77.

¹⁶ MK Saidon (2007) *Darurat Di Tanah Melayu dan Kesan Terhadap Kedah 1948-1960*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia, 186-190 dlm.

http://eprints.usm.my/9030/1/DARURAT_DI_TANAH_MELAYU_1948-1960.pdf. [Diakses 5 Oktober 2017].

¹⁷ https://en.wikipedia.org/wiki/Pendekar_Bujang_Lapok [Diakses 10 Oktober 2017].

¹⁸ Hanafi Ahmad (2009). *Peranan Ulama Dalam Dunia Persilatan Muzakarah Pendekar anjuran PSSCMUPM 6 Oktober 1985*. Budaya Cekak: Kompendium Kertas Kerja, Seminar Kursus dan Ucapan. Selangor: Penerbit PSSCM, 15-16.

¹⁹ PSSCM (1976). op.cit., 3-4. Maklumat juga berdasarkan temuramah dengan Guru Utama/Presiden PSSCM, Yang Mulia (YM) Datuk Haji Maideen Kadir Shah (23 Mei 2016) di kediaman beliau. Beliau memberitahu YM Ustaz Hanafi dan PSSCM tidak berkenan memilih Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Datuk Samad Idris berikutan perkaitan beliau sebagai khalifah Pertubuhan Nasrul Haq yang mengamalkan ilmu kebatinan dan khurafat. Datuk Haji Muhammad Yaacob akhirnya dipilih mewakili YAB Tun Abdul Razak.

²⁰ PSSCM. (1973). *Seni Silat Cekak Malaysia*. Kertas Kerja Konvensyen Seni Silat Melayu Pertama, Dewan Kuliah A, Universiti Sains Malaysia 1973. Budaya Cekak: Kompendium Kertas Kerja, Seminar, Kursus dan Ucapan. Selangor: Penerbit PSSCM, 2-6.

²¹ Ahmad, H.H. (1978). op.cit., 55.

²² Mamat, M. A. A., Saat, I., & Ariffin, K. (2014). Impak Dasar Ekonomi Baru ke atas Peningkatan Ekonomi Bumiputera Selepas Tragedi 13 Mei 1969. *Jurnal Perspektif*, 6(3), 140-142.

²³ PSSCM (1975). *Suara Cekak Bil 1 Ed. 2007* Kuala Lumpur: Penerbit PSSCM, 11

²⁴ Lim, J. W., & Novel, L. (2013). Jaringan sosial pemasaran pertanian dalam kalangan komuniti Cina di Kampung Baru Tras, Raub, Pahang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 9(4), 26, 30-31 dlm http://journalarticle.ukm.my/6650/1/3ok_geografia-okt2013.Lim%26Novel-edkat.pdf. [Diakses 3 Oktober 2017].

²⁵ White, N. J. (2010). *Perniagaan British di Malaysia Pascapenjajah, 1957-70: 'Neokolonialisme' atau 'Pengunduran'?*. ITBM, 2.

²⁶ Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin (2014). *Pengajian Malaysia Ed. Kelima*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar, 290-333

²⁷ bin Janudin, S. (1999). *Seni silat dalam sosio budaya Melayu tradisi dan moden*. Universiti Sains Malaysia. 8-26.

²⁸ Ghazali, A. Z. (2012). Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British. *Malaysia Dari Segi Sejarah, Bil. 40, 2012*, 1-27.

²⁹ PSSCM (1976). *Ruangan Julab*. *Suara Cekak Bil 2 Ed. 2007* Kuala Lumpur: Penerbit PSSCM, 32-34.

³⁰ Ho, H. L. (2015). Kebangkitan Parti Komunis Malaya (PKM), 1968-1989: penelitian terhadap kegiatan komunis di Semenanjung Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 42(1),

- ³¹ Yaacob, Che Mohd Aziz (2012) Asimilasi bangsa Melayu di Patani: keberkesanan dasar dan survival budaya minoriti." *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 39.1, 109 - 110. dlm. <http://journalarticle.ukm.my/5366/>. [Diakses 5 Oktober 2017].
- ³² Simanjuntak, R., & Samsudin, M. B. (2015). *Peranan Adam Malik dalam Hubungan Indonesia-Malaysia (1963-1978)* dlm. 9th International Conference on Malaysia-Indonesia Relations (PAHMI 9) Faculty Of Social Sciences Yogyakarta State University, 5-13 dlm <http://eprints.uny.ac.id/27925/>. [Diakses 1 Oktober 2017].
- ³³ Saadon, R. (2007). *Gagasan Nasionalisme Melayu Raya: Pertumbuhan Dan Perkembangannya* (Doctoral dissertation, USM), 233-247.
- ³⁴ Kadir, N. B. (2014). *Propaganda Akhbar Filipina Dalam Isu Tuntutan Filipina ke atas Sabah: Kesan Terhadap Hubungan Luar dan Proses Pembentukan Malaysia, 1962–1963*. Centre for General Studies College of Arts and Sciences Universiti Utara Malaysia (UUM) 06010 UUM Sintok Kedah., 1522 - 1532 dlm. https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00009468_115509.pdf#page=49. [Diakses 2 Oktober 2017].
- ³⁵ Bakar, N. S. H. A. (2016). Brunei and the British Decolonisation Policy, 1950–1966. *SUSURGALUR*, 2(2), 131-138.
- ³⁶ Reinhart, C. M. (2013). *Asia Chartbook: Crises, Credit and Debt, 1835-2013* (No. w19655). National Bureau of Economic Research dlm. <http://www.nber.org/papers/w19655.pdf>. [Diakses 2 Oktober 2017].
- ³⁷ Westad, O. A. (1998). 77 conversations between Chinese and foreign leaders on the wars in Indochina, 1964-1977. J. Chen, S. Tønnesson, V. T. Nguyen, & J. G. Herschberg (Eds.). Woodrow Wilson International Center for Scholars, 35-39.
- ³⁸ Yaakop, M. R. M. (2009). Isu pemisahan Singapura-Malaysia: rasional keselamatan politik. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 63-66 dlm. <http://journalarticle.ukm.my/360/1/1.pdf>. [Diakses 3 Oktober 2017].
- ³⁹ Bloodworth, D. (2010). Part Six: People's Revolutionary War - The Arms Struggle (Repeat Performance) in *The tiger and the Trojan horse*. Marshall Cavendish International Asia Pte Ltd. Rujuk juga https://ms.wikipedia.org/wiki/Hartal_Pulau_Pinang_1967. [Diakses 3 Oktober 2017].
- ⁴⁰ Hashim, S. M. (1998). *Income inequality and poverty in Malaysia*. Rowman & Littlefield, 4-7.
- ⁴¹ bin Janudin, S. (1999). *Seni Silat Cekak Malaysia warisan mutlak bangsa Melayu*. Universiti Sains Malaysia. 26.
- ⁴² Ahmad, H.H (1978) op.cit.,59.
- ⁴³ https://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai_filem_Malaysia. [Diakses 4 Oktober 2017]
- ⁴⁴ Jonit, R. (2007). Pengisian budaya dalam filem Melayu. *Jurnal Skrin Malaysia*, 4, 144 dan 146.
- ⁴⁵ MNA Rahman (2004). *Catatan Media Eletronik di Malaysia: Satu Catatan Sejarah Ringkas* dlm. *Jurnal Skrin Malaysia* Vol 1/2004, Fakulti Seni Persembahan UiTM: Terbitan Pusat Penerbitan Universiti, 67-69.
- ⁴⁶ https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Western_films_of_the_1960s. [Diakses 4 Oktober 2017].
- ⁴⁷ <http://www.ranker.com/list/best-60s-kung-fu-movies/ranker-film>. [Diakses 4 Oktober 2017].
- ⁴⁸ Hauser, T. (1992). *Muhammad Ali: His life and times*. Simon and Schuster.
- ⁴⁹ Jones, S. A. (2007). *Framing the violence in Southern Thailand: Three waves of Malay-Muslim separatism* (Doctoral dissertation, Ohio University), 89-104.
- ⁵⁰ Helbardt, S. (2015). The emergence of a local public sphere under violent conditions: The case of community radio in Thailand's South. *Journal of Southeast Asian Studies*, 46(1), 32-59.
- ⁵¹ N.Nik Hassan II dan Ismail Hussein (2012). *Perubahan identitas Melayu di Thailand Selatan*. Independent Academia, 6,7, 9-10 dlm.

http://www.academia.edu/5618956/Perubahan_Identitas_Melayu_di_Thailand_Selatan. [Diakses 5 Oktober 2017].

⁵² Yaacob, Che Mohd Aziz (2012). Asimilasi bangsa Melayu di Patani: keberkesanan dasar dan survival budaya minoriti." *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 39.1, 107 -108, 116-119 dlm. <http://journalarticle.ukm.my/5366/>. [Diakses 5 Oktober 2017]

⁵³ Ahmad, H.H. (1978). op.cit., 34-39.

⁵⁴ Kateh, M. S. (2015). *Pengaruh Perjanjian Anglo-Siam dan Respon Masyarakat Muslim-Melayu Patani tahun 1909-1932* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta), 73. <http://digilib.uin-suka.ac.id/16158/>. [Diakses 6 Oktober 2017].

⁵⁵ Mahmud, N. A. N. (1999). *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*. Bangi: UKM, 3-6 dlm. <http://www.ukm.my/penerbit/patani.pdf>. [Diakses 6 Oktober 2017].

⁵⁶ Jehwahe, P. (2014). Bahasa Melayu Wahana kedamaian di Selatan Thai dan Nusantara. *Pustaka Budaya(e-Journal)*, 1(2), 5-7 dlm. <http://ejurnal.unilak.ac.id/index.php/pb/article/view/107>. [Diakses 6 Oktober 2017].

⁵⁷ Yuniarto, P.R. (2005). *Minoritas Muslim Thailand: Asimilasi, Perlawanan Budaya dan Akar Gerakan Separatisme*. *Jurnal Masyarakat dan Budaya*, 7(1), 89 - 118 dlm. <http://jurnalmasarakatdanbudaya.com/index.php/jmb/article/view/213>. [Diakses 6 Oktober 2017].

⁵⁸ PSSCM (2015). *Jubli Emas 1965-2015 Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia*. Selangor: Penerbit PSSCM, 79.

⁵⁹ PSSCM (1975). op.cit., 7-14., PSSCM (1976). *Silat Cekak Sepanjang Jalan 2* dlm *Suara Cekak Bil 2* Ed. 2007 Kuala Lumpur: Penerbit PSSCM, 25-30 dan Halimah Hj Ahmad (1978). op.cit., 30-34, 47 dan 60 - 62.

⁶⁰ Shukri J., Zaimlah Y., & M. Surat (2017). op cit., 128.

BIOGRAFI PENGARANG



NAMA : Shukri bin Janudin

JAWATAN : Pelajar Master (Sains Pembangunan Komuniti)

UNIVERSITI : Universiti Putra Malaysia, Serdang

JABATAN : Jabatan Pembangunan Komuniti, Fakulti Ekologi Manusia

ALAMAT : Universiti Putra Malaysia, Kampus Induk 43400 UPM Serdang Selangor

BIOGRAFI RINGKAS

Lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada Disember 1975. Melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sains Politik) dengan Kepujian pada tahun 1999. Turut mempunyai kelulusan Diploma Pentadbiran Awam - DPA (2001) (Kepujian) dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan Certificate of Diplomacy and Foreign Relations dari Institute of Diplomacy and Foreign Relations - IDFR, Jalan Ilmu Kuala Lumpur (2003). Mempelajari Seni Silat Cekak Malaysia sejak 1995 dan lulus Ujian Sijil Rendah (USR) pada 1998. Bekerjaya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Majlis Keselamatan Negara (MKN) Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya dan aktif di PSSCM Kelas Latihan Putrajaya. Kini menyambung pendidikan ke peringkat Master dalam bidang Sains Pembangunan Komuniti di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang .



NAMA : Zaimilah binti Yusuff
JAWATAN : Usahawanita On-Line
ALAMAT : PSSCM Kelas Latihan Putrajaya, Presint 9 Putrajaya

BIOGRAFI RINGKAS

Dilahirkan di Jeniang, Kedah pada April 1977. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Perancangan dan Pengurusan Pembangunan) dengan Kepujian dari Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang pada tahun 2000 dan Sijil Asuhan Kanak-Kanak PERMATA (2015). Mempelajari Seni Silat Cekak Malaysia sejak 1996 dan lulus Ujian Sijil Rendah (USR) pada 1998 dan kini aktif di PSSCM Kelas Latihan Putrajaya.



NAMA : Ar. Dr. Mastor bin Surat

JAWATAN : Felo Akademik Kanan

UNIVERSITI : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor

JABATAN : Jabatan Seni Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

ALAMAT : PSSCM Kelas Latihan Universiti Kebangsaan Malaysia

BIOGRAFI RINGKAS

Dilahirkan di Teluk Intan, Perak pada Mac 1962. Melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur dengan memperolehi Diploma Seni Bina dan Ijazah Sarjana Muda Seni Bina dengan Kepujian pada tahun 1988. Seterusnya memperolehi Sarjana Persuratan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2008 dan Ijazah Kedoktoran (Seni Bina) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2012. Kini bertugas sebagai Felo Akademik Kanan di Jabatan Seni Bina Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) UKM. Lulus Ujian Sijil Rendah pada 2014 dan kini aktif di PSSCM Kelas Latihan UKM.



NAMA : Prof Madya Ar. Dr. Hj. Abdul Majid bin Ismail

JAWATAN : Pesara Dekan Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang

ALAMAT : PSSCM Cawangan Pulau Pinang

BIOGRAFI RINGKAS

Dilahirkan di Tanjong Karang, Selangor pada April 1953. Memperolehi Sarjana Muda Sains (Seni Bina) dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 1979, Sarjana Muda Seni Bina dari University of Queensland, Australia pada 1981, Bahagian 3 LAM/PAM Arkitek Profesional (Ar.) pada 1989 dan Doktor Falsafah dari University of Wales College of Cardiff, United Kingdom pada 1996. Beliau mempelajari Silat Cekak pada 1976 dan menjadi Tenaga Pengajar sejak 1983. Beliau menerima pelbagai anugerah di dalam PSSCM antaranya Pingat Berjasa PSSCM (1987), Pingat Setia PSSCM (1991), Anugerah Parang Lading PSSCM (1988), Anugerah Khas Guru Utama PSSCM (2005), Tokoh Akademik PSSCM (2012), Tokoh Persilatan PSSCM (2013) dan Anugerah Tokoh Perayaan Jubli Delima PSSCM USM. Kini beliau merupakan Naib Presiden 1 PSSCM dan aktif di PSSCM Cawangan Pulau Pinang.